

26 NOV 1996

DR MAHATHIR TOLAK ANDAIAN KABINET DIROMBAK

KUALA LUMPUR, 26 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menolak andaian kononnya kabinet akan dirombak, dengan berkata "semuanya masih seperti biasa."

"Kita bukannya hendak membentuk kabinet baru. Tidak ada rombakan. Tidak ada perubahan, tidak ada apa-apa...jadi persidangan akhbar ini agak membosankan," kata Perdana Menteri pada satu persidangan akhbar yang penuh sesak bagi mengumumkan keputusan bahawa Malaysia akan menaja pasukan lumba kereta Stewart-Ford dari Britain untuk Kejohanan Formula One tahun depan.

Persidangan akhbar itu dihadiri ramai wakil media yang menjangkakan Perdana Menteri akan mengumumkan rombakan kabinet ekoran pemilihan Umno bulan lepas.

Dr Mahathir sebelum itu meminta wartawan termasuk dari media asing supaya menumpukan soalan mereka hanya kepada Kejohanan Formula One semasa sesi soal jawab.

Tajaan selama setahun itu akan membantu memperkenalkan imej Malaysia di peringkat antarabangsa, katanya.

Kemudian ketika Dr Mahathir sedang berjalan meninggalkan pejabatnya, seorang wartawan wanita media asing berkeras mahukan ulasan Perdana Menteri mengenai kedudukan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dalam kabinet.

"Idea ini datang daripada awak. Adakah awak begitu bankrap sehingga tidak dapat memikirkan hal lain?" kata Dr Mahathir tanpa mengulas lanjut.

-- BERNAMA

MOK TCL MAI